



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH DAN PAMERAN 50 TAHUN PENUBUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur, 22 Februari 2024 – YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Majlis Pengkisahan Sejarah dan Pameran 50 Tahun Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Auditorium PPPAV, Arkib Negara Malaysia (ANM).

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui ANM dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil langkah proaktif menganjurkan Majlis Pengkisahan Sejarah ini kerana menyedari kepentingan pendokumentasian sejarah awal dan perkembangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 1974 hingga kini sebagai khazanah warisan negara yang perlu dipelihara. Ia selari dengan inisiatif Ini Warisan Kita yang digagaskan KPN dalam usaha memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai warisan khazanah negara di samping menyemai dan memupuk serta menyemarakkan perpaduan melalui rasa cinta kepada negara.

Sesi pengkisahan ini menampilkan empat (4) orang Tokoh Pengkisah dan seorang Pengerusi Sesi yang terdiri daripada ahli akademik yang menjalankan kajian sejarah Kuala Lumpur, perancang pembangunan dan kemajuan Kuala Lumpur dan anak tempatan yang membesar di Kuala Lumpur dengan berkongsi kajian, kepakaran dan pengalaman mengenai sejarah dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tokoh-tokoh tersebut adalah:

1. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali
Penyandang Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Topik: Sejarah Awal dan Perkembangan Kuala Lumpur

2. Datuk Seri Dr. Haji Noordin bin Haji Abdul Razak
Mantan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Topik: Perancangan Kemajuan dan Kesejahteraan Ibu Kota Kuala Lumpur

3. Tan Sri Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed
Mantan Timbalan Menteri Penerangan
Topik: Kuala Lumpur Dahulu dan Kini

4. Datuk Lau Lee Ching
Mantan Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Topik: Keharmonian dan Perpaduan Masyarakat Berbilang Kaum di Kuala Lumpur

5. Profesor Madya Datuk Dr. Zulkarnain bin Abdul Rahman
Pensyarah Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya
Pengerusi Sesi

Penganjuran program diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2024. Ia juga selaras dengan peranan Arkib Negara Malaysia sebagai pemangkin dalam memasyarakatkan maklumat sejarah melalui penganjuran program-program advokasi bagi mempertingkatkan penghayatan sejarah negara ke arah pengukuhan perpaduan dan pembentukan jati diri warga Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara
22 Februari 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- **Unit Komunikasi Korporat**
 b.p.: **Ketua Setiausaha**
 Kementerian Perpaduan Negara
 Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
 E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()